

04/08/2003

Risiko besar di sebalik dakwaan tiada asas

DARI aspek mana sekali pun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat reaksi yang wajar apabila mengulas kenyataan Ketua Turus Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Staff Marshall Munsyi Muslim Yacob yang mendakwa ada kalangan menteri Kabinet terbabit dalam Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM). Dakwaan pembabitkan menteri Kabinet dalam organisasi haram itu adalah serius kerana ia membabitkan kewibawaan kerajaan. Tentunya, Dr Mahathir juga serius dalam menangani dakwaan ini dan tidak menganggapnya sebagai perkara remeh.

Membuat dakwaan memanglah mudah. Tidak ada bayaran yang perlu dibayar untuk membuat apa juga tuduhan. Dalam negara yang mengamalkan kebebasan bersuara, sesiapa juga boleh membuat dakwaan. Dakwaan yang tidak disokong bukti kukuh boleh meninggalkan kesan tidak baik. Oleh itu, adalah adil Dr Mahathir menyatakan bahawa mereka yang membuat dakwaan juga perlu bertanggungjawab terhadap kenyataan sendiri. Berani membuat dakwaan tentulah juga berani menghadapi risikonya. Pada pihak yang lain, Munsyi tidak sepatutnya gentar membuat pendedahan, sekiranya mempunyai bukti kukuh. Untuk menjaga kewibawaan dirinya, adalah tidak salah jika beliau membuktikan kebenaran dakwaan itu. Apa juga yang akan dilakukan selepas ini perlulah mengikut saluran yang betul bagi mengelak isu itu dimanipulasi pihak lain.

Apa pun, sebagai reaksi spontan rakyat, mereka ingin tahu siapakah menteri Kabinet yang dimaksudkan. Apa pula bentuk hubungan dan sejauh mana kaitan menteri yang didakwa itu dalam PKPM? Apakah beliau sekadar mengenali dan pernah dilihat bersama dengan pemimpin dan anggota PKPM? Gambar bersama seseorang menteri dengan pemimpin PKPM juga belum pasti boleh dijadikan bukti yang dapat dipertahankan. Bukanlah suatu perkara yang mustahil seseorang menteri 'terperangkap' dengan tipu helah PKPM untuk mengheret mereka ke dalam organisasi berkenaan. Pemimpin PKPM mungkin menggunakan pelbagai cara untuk menunjukkan kepada ahlinya mengenai hubungan rapat mereka dengan menteri Kabinet, bertujuan meningkatkan keyakinan ahli terhadap organisasi mereka. Bagi organisasi yang tidak tulen, pemimpin mereka akan cuba mendapatkan pengiktirafan, termasuk mendapatkan surat sokongan. Menteri juga dijemput menghadiri majlis yang mereka anjurkan. Tidak hairanlah nama-nama mereka yang mempunyai kedudukan, apatah lagi menteri, sering digunakan untuk mencapai tujuan mereka. Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, umpamanya sudah pun mendedahkan beliau cuba dirapati oleh golongan itu.

Sebaliknya, jika dakwaan itu memang benar-benar berasas dan lengkap dengan buktinya, kerajaan tidak sepatutnya menyembunyikan perkara itu. Sekiranya menteri yang dimaksudkan itu terbabit secara langsung dan mengetahui matlamat serta niat sebenar organisasi haram berkenaan, apatah lagi, jika beliau menjadi 'orang kuat' pasukan itu dan berpangkat, maka undang-undang perlu mengambil tempatnya. Jika tidak ia hanya akan dianggap percubaan untuk menjejaskan nama baik menteri berkenaan.